



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH			
TARIKH	:	10/7/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	40
JABATAN	:	KeTSA			

Solar bumbung terbesar Malaysia di MMHE West

BH, 10 Jul 2021_40

Pemasangan PV jenama M+ sebahagian usaha lestari alam sekitar

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia Marine and Heavy Engineering Holdings Bhd (MHB) menggunakan tenaga solar bagi operasi limbungan MMHE West, di Pasir Gudang, Johor.

Pemasangan solar bumbung berkapasiti 8.3 megawatt puncak (MWp) di MMHE West menjadi kemudahan terbesar dalam satu kawasan di Malaysia.

Ia berikutan siapnya pemasangan panel solar photovoltaic (PV) jenama M+ oleh PETRONAS, dengan perjanjian berlangsung selama 21 tahun hingga 2042.

Pengarah Urusan yang juga Ketua Pegawai Eksekutif MHB, Pandai Othman, berkata langkah penggunaan tenaga solar yang dibawakan oleh segmen tenaga baharu PETRONAS menjadi sebahagian daripada usaha lestari syarikat itu.

Katanya, selain pemasangan



Pemasangan panel solar photovoltaic bumbung terbesar bagi operasi limbungan MMHE West, di Pasir Gudang, Johor. (Foto ihsan MHB)

panel PV suria, syarikat itu juga melaksanakan usaha melestarikan alam sekitar termasuk penjimatan tenaga, pengurusan sampah dan pemuliharaan air.

"Menerusi tenaga solar, kami akan menggunakan tenaga bersih dan boleh diperbaharui untuk operasi, sekali gus mengurangkan jejak karbon.

"Sebagai sebahagian daripada misi melindungi alam sekitar dan mewujudkan perbezaan positif kepada kehidupan masyarakat, usaha kami dilakukan tidak hanya untuk keuntungan syarikat, tetapi manfaat untuk semua.

"Kami akan meneruskan tanggungjawab dalam memastikan kelestarian dunia untuk generasi

masa kini dan masa depan," katanya dalam satu kenyataan.

Satu acara pelancaran dianjurkan secara maya dan dirasmikan oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pasir Gudang, Datuk Asman Shah Abd Rahman.

Turut serta dalam acara itu, Naib Presiden Eksekutif yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Gas dan Tenaga Baharu PETRONAS, Adnan Zainal Abidin.

Perjanjian persefahaman (MoU) antara MHB dan PETRONAS berlangsung pada 2019 ketika penyelesaian solar itu diperkenalkan dengan MHB menjadi antara syarikat terawal menggunakan model perbelanjaan modal sifat (capex) PETRONAS meneru-

si M+ by PETRONAS, iaitu penyelesaian solar bumbung utamanya.

Sejumlah 18,720 unit panel solar PV dengan saiz keseluruhan 440,496 kaki persegi akan menawan tenaga kepada lapan bangunan di MMHE West.

Panel ini secara kolektif menghasilkan 10,000 megawatt jam (MWh) tenaga bersih setiap tahun, membawa kepada pengurangan sekitar 6,286 tan pelepasan karbon ke atmosfera setiap tahun.

Dalam tempoh 21 tahun, kemudahan itu dapat mengurangkan 132,000 tan pelepasan karbon atau bersamaan menanam dua juta pokok.

Pandai berkata, penggunaan panel solar PV di MMHE West menawarkan penjimatan bil elektrik RM30 juta dalam tempoh 21 tahun.

"Kuasa yang dijana panel solar PV itu cukup untuk menerangi 725 kediaman dua tingkat sepanjang tahun," katanya.

Daripada aspek perniagaan, beliau menjelaskan, industri tenaga yang dinamik memerlukan strategi syarikat dalam meneroka peluang sektor tenaga boleh diperbaharui yang merangkumi pembinaan struktur ladang kincir angin luar pesisir.

"Setakat ini, kami sudah menjalinkan usaha sama dengan pelbagai syarikat penyedia kejuruteraan berkaitan bagi tujuan ini," katanya.

